



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 19 MAC 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 19 Mac 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,996 kes** (314,457 kes kumulatif, 95.3%);
- Kes baharu : **1,576 kes** (330,042 kes kumulatif);
- Kes import : **11 kes** (8 warganegara; 3 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,565 kes** [842 warganegara (53.8%); 723 bukan warganegara (46.2%)];
- Kes aktif : **14,360 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **151 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **57 kes**; dan
- Kes kematian : **2 kes** (1,225 kes kumulatif, 0.37%; 2 warganegara).

Sarawak melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **407 kes (25.8 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **382 kes (93.9 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Selangor sebanyak **348 kes (22.1 peratus)** dan Pulau Pinang sebanyak **182 kes (11.5 peratus)**.

Sebanyak **298 kes (18.9 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan **Kluster Depot Imigresen Semuja (146 kes)**, Kluster DTI Juru (89 kes), Kluster Tembok Muhasabah (25 kes), Kluster DTI Jalan Duta (14 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (12 kes), Kluster Telok Mas (11 kes), dan Kluster Tembok Taiping (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan masing-masing satu (1) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak. Kedua-dua kes kematian melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 19 Mac 2021:

- Jumlah kluster : **1,288 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **12 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **861 kluster** (termasuk **13 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Indah Utama, Kluster Perindustrian Fasa Dua, Kluster Kampung Teluk, Kluster Jalan Besar Pontian, Kluster Subang Delima, Kluster Batu 20, Kluster Santong Paka, Kluster Batu Tiga Setengah, Kluster Industri Puchong, Kluster Jalan Galah, Kluster Tapak Bina Lebu, Kluster Jalan Kota Murni, dan Kluster Tapak Bina Jalan Tandok**);
- Jumlah kluster aktif : **427 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **64 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Depot Imigresen Semuja (146 kes), Kluster Jalan Pelabuhan (94 kes), dan Kluster DTI Juru (89 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **12 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan 10 kluster tempat kerja dan dua (2) kluster melibatkan pusat tahanan.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Sungai Berumbung	Johor	Tempat Kerja
2	Lorong Usaha Utama	Johor	Tempat Kerja
3	Jalan Dahlia 22	Johor	Tempat Kerja
4	Jalan Industri Sofa	Johor	Tempat Kerja
5	Jalan Besar Kepong	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
6	Jalan Daun	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
7	Lorong Nibong	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
8	Tapak Bina Persiaran Cybersouth	Selangor	Tempat Kerja
9	Persiaran Hemisfera	Selangor	Tempat Kerja
10	Bandar Baru	Selangor	Tempat Kerja
11	DTI Juru	Pulau Pinang	Pusat Tahanan
12	DTI Jalan Duta	WP Kuala Lumpur	Pusat Tahanan

## **PERANAN PIHAK MEDIA DALAM MEMBERIKAN MAKLUMAT YANG TEPAT DAN CEPAT BERKAITAN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK) KEPADA MASYARAKAT**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat menghargai peranan yang dimainkan oleh pihak media dalam menangani pelbagai isu, terutama sepanjang pandemik COVID-19 melanda negara kita. Dengan kerjasama erat di antara KKM, pihak media, dan agensi-agensi lain, perkembangan semasa COVID-19 dapat disampaikan kepada rakyat dengan cepat, tepat, dan meluas.

KKM memohon kerjasama pihak media untuk membantu menyebarkan maklumat berkaitan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) secara bertanggungjawab kerana ini melibatkan masa depan rakyat dan negara kita. Pemberian suntikan vaksin yang sedang giat dijalankan di negara kita dan seluruh dunia adalah merupakan kaedah terbaik dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19 buat masa ini.

Justeru, KKM memohon pihak media agar lebih berhati-hati dalam melaporkan berita-berita berkaitan program ini. Adalah diharapkan, pihak media dapat melaporkan berita-berita yang tepat dan sahih serta mendapat pengesahan KKM terutamanya

yang melibatkan isu-isu sensitif. Pelaporan berita yang tidak tepat apatah lagi tidak benar boleh menjejaskan kelancaran keseluruhan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

KKM amat berharap agar kerjasama yang baik di antara pihak media dan semua agensi yang terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dapat diteruskan bagi memastikan kejayaan program ini.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan

memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

19 Mac 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 19 MAC 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	348 (1)	110,898
<b>SABAH</b>	33	54,107
<b>JOHOR</b>	137	39,743
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	175 (10)	36,874
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	41	16,909
<b>PULAU PINANG</b>	182	14,104
<b>SARAWAK</b>	407	13,820
<b>PERAK</b>	100	12,578
<b>KEDAH</b>	25	8,014
<b>MELAKA</b>	54	6,258
<b>KELANTAN</b>	52	5,528
<b>PAHANG</b>	13	3,994
<b>TERENGGANU</b>	6	3,507
<b>WP LABUAN</b>	2	2,276
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1	1,111
<b>PERLIS</b>	0	321
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,576 (11)</b>	<b>330,042</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import



## LAMPIRAN 2

**Perincian 1,576 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 19 Mac 2021 adalah seperti berikut:**

- **Sarawak: 407 kes**

- 221 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 161 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 25 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 348 kes**

- 88 kes daripada kluster-kluster, termasuk 52 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Bandar Baru, Kluster Persiaran Hemisfera, dan Kluster Tapak Bina Persiaran Cybersouth**;
- 189 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 70 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 182 kes**

- 118 kes daripada kluster-kluster, termasuk 89 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster DTI Juru**;

- 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 52 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 175 kes**
  - 113 kes daripada kluster-kluster, termasuk 51 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Lorong Nibong, Kluster Jalan Besar Kepong, Kluster DTI Jalan Duta, dan Kluster Jalan Daun;**
  - 31 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - 10 kes import dari luar negara; dan
  - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 137 kes**
  - 77 kes daripada kluster-kluster, termasuk 58 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Industri Sofa, Kluster Lorong Usaha Utama, Kluster Sungai Berumbung, dan Kluster Jalan Dahlia 22;**
  - 35 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 25 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 100 kes**
  - 96 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka: 54 kes**
  - 42 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kelantan: 52 kes**
  - 26 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Negeri Sembilan: 41 kes**
  - 32 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sabah: 33 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 25 kes**
  - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: 13 kes**
  - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: Enam (6) kes**
  - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan dua (2) kes kematian pada 19 Mac 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1224	273418	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	71	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, jantung, kencing manis, dan buah pinggang kronik
1225	298030	Sarawak	Lelaki (WN)	55	Hospital Sibu	-

\*WN merujuk kepada warganegara.

**Perincian 12 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER SUNGAI BERUMBUNG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kluang di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-292776) dilaporkan positif COVID-19 pada 25 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pasar raya yang terletak berhampiran Sungai Berumbung, Simpang Renggam, Kluang. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 27 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER LORONG USAHA UTAMA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai dan Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-325402) dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Mac 2021 hasil saringan kontak rapat. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Lorong Usaha Utama, Taman Perindustrian Ulu Choh, Pekan Nenas, Kulai. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 36 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 3. KLUSTER JALAN DAHLIA 22

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-326722) dilaporkan positif COVID-19 pada 17 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Dahlia 22, Taman Cempaka, Johor Bahru. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 421 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 4. KLUSTER JALAN INDUSTRI SOFA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Tangkak di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 18 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang perabut yang terletak di Tangkak. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 209 individu telah disaring, di mana **55 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 5. KLUSTER JALAN BESAR KEPONG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-327883) dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-

pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Besar Kepong. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 38 individu telah disaring, di mana **17 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 6. KLUSTER JALAN DAUN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; serta daerah Gombak dan Petaling di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-321799) dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti alamat kediaman kes indeks yang terletak di Jalan Daun Inai 7, Kepong. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 61 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 7. KLUSTER LORONG NIBONG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa dan Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-329042) dilaporkan positif COVID-19 pada 19 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pasar raya yang terletak di Lorong Nibong, Taman U-Thant, Titiwangsa. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 43 individu telah disaring, di mana **21 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.



## 8. KLUSTER PERSIARAN HEMISFERA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling dan Klang di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 22 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Persiaran Hemisfera, Shah Alam. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 119 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 9. KLUSTER TAPAK BINA PERSIARAN CYBERSOUTH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sepang di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 17 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Cybersouth, Sepang. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 17 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 10. KLUSTER BANDAR BARU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling dan Hulu Selangor di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 28 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Bandar Baru Sungai Buloh, Petaling. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 686 individu telah disaring, di mana **50 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 11. KLUSTER DTI JURU

Kluster pusat tahanan ini melibatkan daerah Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 9 Mac 2021 hasil saringan bersasar tahanan-tahanan di Depot Tahanan Imigresen Juru, Simpang Ampat, Seberang Perai Tengah. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 393 individu telah disaring, di mana **167 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## 12. KLUSTER DTI JALAN DUTA

Kluster pusat tahanan ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Empat (4) kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-326777 hingga kes ke-326780) dilaporkan positif

COVID-19 pada 17 Mac 2021 hasil saringan sebelum pulang ke negara asal. Kluster ini melibatkan tahanan-tahanan di Depot Tahanan Imigresen Jalan Duta, Kepong. Sehingga 19 Mac 2021, sejumlah 68 individu telah disaring, di mana **18 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.